

03 MAY 1999

Mahathir-Clob

CLOB: PELABUR SINGAPURA PATUT TERIMA HARGA YANG DITAWARKAN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mereka yang melabur dalam saham syarikat-syarikat Malaysia yang diurus niagakan dalam bursa saham tidak resmi "Central Limit Order Book (CLOB)" di Singapura harus menerima harga yang ditawarkan kepada mereka.

Katanya mereka sepatutnya menjual pada harga yang diniagakan sebelum urus niaga CLOB terhenti pada Septembr tahun lepas.

"Ramai antara mereka bertanggungjawab dengan kejatuhan harga saham. Adalah tidak wajar dari segi moral bagi mereka mendapat faedah daripada sesuatu yang mereka tidak bantu untuk mencapainya....mereka bertanggungjawab menurunkan harga," katanya pada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pelabur Singapura yang tidak puas hati dengan harga yang ditawarkan oleh Effective Capital Sdn Bhd, syarikat milik peniaga Singapura Akhbar Khan yang berpangkalan di Malaysia.

Jumaat lepas Akhbar telah menawarkan untuk membeli saham-saham CLOB dengan tunai dalam dolar AS pada kira-kira 45 peratus harga pada 15 Sept, 1998.

Urus niaga CLOB terhenti selepas Kuala Lumpur memperkenalkan kawalan modal. Kawalan itu membolehkan pelabur memegang saham Clob mereka, tetapi tidak boleh menjualnya kerana bimbang ia akan menekan lagi pasaran yang sudahpun berada pada paras terendah.

Kira-kira 172,000 akaun CLOB bernilai kira-kira RM10 bilion terperangkap dengan kawalan itu dan tidak diniagakan sejak itu, menjadikan para pelabur berkenaan memegang saham yang tidak bernilai.

Dr Mahathir berkata: "Ketika kami menangani masalah itu, harga-harga saham berada pada paras terendah. Mereka (pelabur-pelabur itu) tidak melakukan apa-apa untuk menaikkan nilai, apa yang mereka lakukan ialah mengurangkan nilai saham."

"Mereka tidak boleh mendapat faedah daripada usaha orang lain," tambahnya.

-- BERNAMA

ARA WAT